

Jangan asyik minta bantuan subsidi dari kerajaan - PM

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru pengusaha tempatan jangan asyik meminta bantuan atau subsidi kerajaan kerana sikap itu akan menyukarkan barangan Malaysia menembusi pasaran eksport.

“Jika barangan kita diberikan subsidi terlalu banyak, negara maju akan mengenakan cukai import yang tinggi. Banyak negara maju menaikkan duti import terhadap barangan yang mendapat subsidi sekarang ini. Keadaan ini tentunya menghilangkan daya saingan barangan kita.

“Oleh itu perlu diingat, banyaknya bantuan kerajaan tidak bermakna menjadikan barangan kita lebih kompetitif tetapi ia akan memberikan kesan sebaliknya,” tambah beliau.

Beliau yang berucap merasmikan pameran perdagangan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Kuala Lumpur / Selangor (KLSCCCI) di Cangkat Pavilion di sini pagi ini berkata, jika keadaan berlaku, bukan pengusaha Malaysia yang untung, sebaliknya negara yang mengimport hasil keluaran negara ini menikmati.

Sehubungan itu Datuk Sri Dr. Mahathir berharap pengusaha tempatan belajar menjadi lebih bersaing dan meningkatkan produktiviti.

“Kita boleh melakukannya kerana negara ini mempunyai tenaga buruh yang murah dan pekerja yang mahir. Pengusaha asing sendiri mengakui hakikat ini dan telah mengambil sepenuhnya faedah itu untuk mendapatkan keuntungan dari eksport mereka,” kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, jika mereka boleh berbuat begitu, pengusaha tempatan juga boleh melakukannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, iklim pelaburan negara semakin baik sekarang kerana selain dari kos buruhnya murah dan mempunyai tenaga mahir, nilai ringgit juga lebih rendah berbanding dengan matawang negara - negara lain khususnya negara perindustrian baru (NIC) seperti Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan.

“Negara - negara NIC telah kehilangan daya saingan mereka kerana status skim keutamaan khas (GSP) mereka ditarik balik dan nilai matawang mereka yang tinggi.

“Mereka kini telah memindahkan operasi ke sini untuk menumpang menikmati faedah GSP dan kemurahan nilai ringgit. Sepatutnya pengusaha Malaysia mengambil peluang ini untuk menubuhkan usahasama mereka,” tambahnya lagi.

Menurut Perdana Menteri, pengusaha Malaysia boleh mempelajari teknologi mereka dengan adanya projek usahasama itu dan seterusnya menguasainya untuk menubuhkan perusahaan sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia mahu melakukannya bukan kerana mahu bermegah tetapi kerana mahu rakyat negara ini menikmati sepenuhnya pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau juga berharap pengusaha negara ini menerokai bidang - bidang baru kerana Malaysia tidak boleh lagi terus bergantung kepada industri perlombongan dan perladangan.